

21/01/2003

NAM disaran bincang isu ekonomi

PERGERAKAN Negara-Negara Berkecuali (NAM) disaran mewujudkan satu forum khusus bagi membincangkan isu ekonomi negara anggotanya pada sidang kemuncaknya yang akan diadakan pada masa depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata forum sedemikian dijangka dapat menarik ahli perniagaan dari negara anggota NAM menyertai secara aktif perkembangan perdagangan dan perniagaan dalam pergerakan itu.

Sidang Kemuncak NAM ke-13 akan berlangsung dari 20 hingga 25 Februari ini di Kuala Lumpur.

Rafidah berkata, negara anggota NAM adalah rakan perdagangan penting bagi Malaysia.

Pada 2001, jumlah dagangan dua hala Malaysia dengan negara anggota NAM bernilai RM123 bilion dengan eksport bernilai RM67.7 bilion, manakala import berjumlah RM57.3 bilion.

Bagi tempoh Januari hingga November tahun lalu pula, nilainya ialah RM135.6 bilion, dengan eksport berjumlah RM71.5 bilion dan import pula berjumlah RM63.1 bilion.

Antara rakan dagangan utama Malaysia daripada kalangan negara anggota NAM ialah Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina, kata Rafidah pada sidang akhbar bagi mengumumkan penganjuran 'Showcase Malaysia 2003' di Kuala Lumpur semalam.

'Showcase Malaysia 2003' yang akan diadakan sempena Sidang Kemuncak NAM ke-13 akan berlangsung dari 18 hingga 26 Februari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pameran anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, pameran itu bertujuan meningkatkan lagi perdagangan antara Malaysia dengan negara anggota NAM.

Ia akan mempamer dan mempromosikan barangan serta perkhidmatan Malaysia bagi mengambil peluang kehadiran pemimpin, menteri, pegawai kanan dan media asing, katanya.

Beliau berkata, pameran itu juga akan menjadi pusat utama bagi pembeli asing untuk mencari rakan niaga dari kalangan pengeluar dan pengeksport Malaysia bagi barangan dan perkhidmatan yang berkualiti.

"Wakil yang datang ke Malaysia sempena NAM terdiri daripada pembuat keputusan dan mereka diharap akan membawa maklumat yang diperolehi daripada pameran itu kelak ke negara masing-masing dan membuka laluan kepada kerjasama perniagaan pada masa depan," katanya.

Kira-kira 500 syarikat akan menyertai 'Showcase Malaysia 2003' yang akan diadakan di ruang pameran seluas 14,000 meter persegi di PWTC itu.

Pameran itu terbuka kepada semua dan masuk percuma.